

Penerapan dan Pelaksanaan Program *Responsible Care* dalam Industri Kimia di Malaysia

Nur Khairlida Binti Muhamad Khair (P79481)

Institut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email:

Pernyataan Masalah: Industri kimia merupakan salah satu penyumbang terbesar kepada ekonomi Malaysia. Dengan perkembangan syarikat kimia yang kian meningkat ini telah meningkatkan keperluan untuk mengukuhkan pengurusan kimia bagi mengelakkan kemalangan yang boleh memberi risiko kepada alam sekitar, kesihatan dan keselamatan. Program *Responsible Care* (RCP) mempromosikan pengurusan bahan kimia secara lestari sepanjang rantai produk sebagai salah satu komitmen untuk membina keyakinan terhadap industri kimia. RCP telah dilancarkan sejak tahun 1994 di bawah kepimpinan Pertubuhan Industri Kimia Malaysia (CICM). Namun setakat ini, terdapat hanya 132 buah syarikat telah menandatangani persetujuan untuk melaksanakan RCP. Jumlah penyertaan yang kecil dibandingkan dengan jumlah keseluruhan syarikat kimia di Malaysia telah mencetus keperluan industri kimia untuk membangun secara lestari. **Objektif:** Kajian ini bertujuan untuk memastikan status penerapan dan pelaksanaan program RCP dalam industri kimia di Malaysia, menentukan kepentingan dan nilai tambah RCP dalam menangani isu alam sekitar, kesihatan dan keselamatan, serta mencadangkan satu kerangka untuk meningkatkan penerapan dan pelaksanaan RCP. **Metodologi:** Kaedah yang digunakan adalah soal selidik di mana soal selidik tersebut telah diedarkan kepada penandatangan RCP. **Hasil** menunjukkan bahawa jumlah tertinggi penandatangan RCP adalah terdiri daripada pengeluar kimia industri (21%). Kesemua penandatangan RCP telah membuktikan bahawa mereka telah mendapat manfaat daripada penerapan dan pelaksanaan RCP di mana mereka telah meningkatkan prestasi mereka dalam alam sekitar, kesihatan dan keselamatan. Penerapan dan pelaksanaan RCP juga telah menunjukkan kepentingan dan nilai tambah dalam meningkatkan imej mereka melalui aktiviti CSR serta komunikasi dengan komuniti. Satu kerangka QEHS-RC bersepadu dicadangkan untuk melengkapi RCP dengan sistem pengurusan yang sedia ada memandangkan hasil daripada kaji selidik mendapati syarikat penandatangan RCP mematuhi lebih daripada dua sistem pengurusan iaitu ISO 9001, ISO 14001 dan OHSAS 18001. **Kesimpulan:** RCP dapat membantu industri kimia untuk meningkatkan prestasi alam sekitar, kesihatan dan keselamatan serta menjalin hubungan yang baik dengan komuniti. Satu pendekatan bersepadu dengan memperkenalkan RCP ke dalam sistem pengurusan QEHS adalah digalakkan untuk memantapkan lagi sistem pengurusan kimia secara holistik.